

3 Gaya Ibu Bapa Mengasuh Anak-anak



Oleh: Nur Khairina Binti Aznizan

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 28 Jun 2021

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Setiap bayi yang dilahirkan adalah suci fitrahnya. Ibu bapalah yang menjadikan mereka Yahudi, Nasrani mahupun Majusi”

(Hadis Riwayat Bukhari & Muslim)

Hadis di atas jelas menunjukkan bahawa ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam mendidik dan membentuk keperibadian anak-anak.

Jika baik didikan ibu bapa, maka baiklah keperibadian anak tersebut, bertepatan dengan pepatah, ‘bagaimana acuan, begitulah kuihnya’.

Sebagai ibu bapa, sudah pasti kita mahukan yang terbaik untuk anak-anak. Namun, janganlah kerana mahukan yang terbaik, kita terlalu mengikut kata anak-anak sehingga seolah-olah menjadi hamba mereka.

Justeru, ilmu keibubapaan amat perlu dipelajari bukan sahaja ketika menjadi ibu bapa, bahkan sejak sebelum berkahwin lagi.


Proses didikan sewajarnya bermula sejak anak itu masih bayi lagi. Antara ilmu keibubapaan yang boleh dipelajari adalah mengenali gaya asuhan.

Menurut pakar psikologi klinikal, Diana Blumberg Baumrind, gaya asuhan ibu bapa bermaksud strategi dan tingkah laku yang digunakan oleh ibu bapa dalam usaha mengawal tingkah laku sosial anak-anak mereka.

Dalam erti kata lain, gaya asuhan ibu bapa merujuk kepada cara mereka mendidik dan mendisiplinkan akan-anak.

Baumrind membahagikan gaya asuhan ibu bapa kepada tiga jenis iaitu permisif, autoritarian, dan autoritatif.

Gaya asuhan permisif



Gambar hiasan

Gaya asuhan jenis ini merujuk kepada ibu bapa yang mesra dan bertanggungjawab tetapi lemah dalam kawalan sehingga mengakibatkan anak-anak terlalu bergantung dan terlalu manja.

Kanak-kanak yang dibesarkan oleh ibu bapa yang permisif mempunyai kecenderungan kurang kawalan diri, impulsif, kurang berdikari dan kurang meneroka.

Kurang kawalan oleh ibu bapa menyebabkan anak menjadi terlalu manja. Setiap kali meminta sesuatu daripada ibu bapa atau sesiapa sahaja, mereka mengharapkan permintaan mereka dipenuhi atau mereka akan merajuk dan memberontak.

Gaya asuhan autoritarian



Gambar hiasan

Ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan autoritarian mempunyai sifat mengawal yang tinggi, tetapi kurang dalam tanggungjawab.

Anak-anak yang dibentuk dengan cara ini akan mempunyai ciri-ciri seperti berfikiran negatif, sering memberontak, pendendam, bimbang, cemas, dan pendiam.

Gaya keibubapaan ini menggambarkan ciri-ciri kesan negatif terhadap konsep sendiri anak kerana dia akan mempunyai kemahiran sosial yang lemah, menjadi individu yang terlalu agresif atau terlalu pasif serta mempunyai mood yang tidak menentu.

Gaya asuhan autoritatif



Ibu bapa yang autoritatif mampu mengawal dan bertanggungjawab terhadap anak-anak mereka.

Gaya asuhan bersifat rasional dan demokratik dapat membentuk anak-anak untuk berfikiran positif, aktif bersosial, bertanggungjawab dan kompeten dari aspek kognitif.

Komunikasi berkesan antara anak dan ibu bapa, suasana keluarga yang tenteram dan beberapa ciri asuhan yang autoritatif yang baik akan menghasilkan remaja yang bersikap positif.

Kanak-kanak yang dibesarkan oleh ibu bapa yang demokratik cenderung menjadi lebih bertenaga, mempunyai perasaan ingin tahu yang tinggi, berdedikasi, dapat mengawal diri dan berpuas hati terhadap rakan sebaya.

Berdasarkan ketiga-tiga gaya asuhan ibu bapa di atas, dapatlah disimpulkan bahawa gaya asuhan autoritatif merupakan yang terbaik.

Kesimpulan itu selari dengan pendapat yang diberikan oleh Pensyarah Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Prof Jas Laile Suzana Jaafar yang mengatakan bahawa gaya asuhan autoritatif merupakan yang terbaik dalam mendidik anak-anak.

Melalui gaya berkenaan, anak-anak bebas melakukan apa yang diingini, namun tingkah laku mereka diperhatikan oleh ibu bapa. Selain itu, anak-anak juga diberi peluang menyatakan pendapat atau pandangan mereka.